



**MALAYSIA**

**LAPORAN PROSIDING**

**MESYUARAT JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

**Mengenai:**

**Transaksi Tanah Milik  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

Kementerian Wilayah Persekutuan:

- i) YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad,  
Menteri Wilayah Persekutuan
- ii) YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji  
Kasim, Ketua Setiausaha Wilayah  
Persekutuan

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
KHAMIS, 4 APRIL 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] - *Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Chen [Subang]  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]  
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Cik Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara (JAN)**

Encik Mohamed Zaidi bin Zakaria [Pengarah (Bahagian Susulan Audit)]  
Encik Mohd Faidzal bin Abu [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Susulan Audit)]  
Encik Muhammad Zhaffan bin Zaini [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit)]  
Puan Farida binti Veerankutty [Timbalan Pengarah (Bahagian Audit Prestasi I)]  
Cik Nurnadiah binti Kamarudin [Penolong Juruaudit (Bahagian Audit Prestasi I)]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)**

Puan Fadzillah binti Shamsuddin [Timbalan Pengarah (Awam) Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan]

**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Parlimen, Kabinet & Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Haryati binti Sapihis [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)**

Encik Mohd Zulkifli bin Harun [Timbalan Pengarah (Perumahan dan Kerajaan Tempatan) (Bahagian Perkhidmatan Sosial)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Puan Eizan Azura binti Zainudin [Timbalan Pengarah (Unit Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas)]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Wilayah Persekutuan**

YB. Tuan Khalid bin Abd. Samad [Menteri Wilayah Persekutuan]

YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim [Ketua Setiausaha]

YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio Ekonomi)]

YBhg. Dato' Siti Fatimah binti Daud [Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)]

YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain [Setiausaha Bahagian (Sosio Ekonomi)]

Puan Zawiyah binti Saad [Penasihat Undang-undang]

Encik Zulkefli bin Mohd Nani [Setiausaha Sulit Kanan (Menteri Wilayah Persekutuan)]

Encik Zulhazmi bin Shariff [Pegawai Tugas-tugas Khas II (Menteri Wilayah Persekutuan)]

Encik Nor Shah bin Mohamed (Setiausaha Bahagian (Perancangan Dasar))

Encik Abdullah bin Daud [Timbalan Setiausaha Bahagian (Perancangan Dasar)]

Puan Nur Azwani Hasleem binti Nasrun [Ketua Penolong Setiausaha (Sosio Ekonomi)]

Puan Nor Azalia binti Atan [Penolong Setiausaha Kanan (Sosio Ekonomi)]

Encik Mohd Noorsyafizal bin Che Lan @ Ahmad [Ketua Penolong Setiausaha (Perancangan Dasar)]

Puan Norhafizah binti Ab. Karim [Penolong Setiausaha Kanan (Perancangan Dasar)]

Puan Mazurah binti Ismail [Setiausaha Bahagian (Komunikasi Korporat)]

*Samb/-*



**SAKSI-SAKSI (Samb/-)****Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

YBhg. Datuk Haji Mahadi bin Che Ngah [Pengarah Eksekutif (Perancangan)]

YBhg. Datuk Sr. Haji Mohd Najib bin Haji Mohd [Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek)]

Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid [Pengarah (Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan)]

Puan Mimi Aryani binti Mustapha [Timbalan Pengarah (Jabatan Undang-undang dan Pendakwaan)]

Encik Che Azhar bin Che Abdullah [Pengarah (Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta)]

Puan Mahfuzah Husna binti Zulkifli [Penolong Pengarah (Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan)]

Encik Haji Nurazizi bin Mokhtar [Pengarah (Jabatan Perancangan Bandar raya)]

**Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan**

Encik Abdul Rahman bin Johor [Pengarah Tanah dan Galian]

Encik Mohd Firdaus bin Ibaruslan [Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Sektor Pendaftaran Tanah)]



## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Khamis, 4 April 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.35 petang

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Tuan Pengerusi:** Selamat petang dan salam sejahtera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. Yang Berbahagia Datuk Roosme yang akan tiba sekejap lagi. Selamat datang jua kepada ex-officio PAC. Untuk makluman ex-officio terdiri daripada Kementerian Kewangan, wakil Kementerian Kewangan, wakil Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, wakil Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan wakil Jabatan Akauntan Negara.

Petang ini PAC akan mengadakan prosiding membabitkan penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Hadir di hadapan kita adalah Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan dan Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian. Sebelum ini di MOT juga berhadapan dengan PAC di MOT, membantu PAC. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri dan KSU kerana sudi hadir dan memberikan kerjasama penuh kepada jawatankuasa ini.

Walaupun isu penjualan tanah milik DBKL ini tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, namun ia membabitkan kepentingan negara dan rakyat selain menjadi perdebatan di kalangan rakyat. Berikutan itu, PAC Parlimen di bawah Perkara 77(1)(d) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang memperuntukkan kuasa untuk jawatankuasa ini memeriksa apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh jawatankuasa itu patut diperiksa atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh majlis kepada jawatankuasa ini, mengambil keputusan sebulat suara untuk mendengar penjelasan serta keterangan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan berhubung dengan isu ini. Pada masa yang sama untuk rekod dalam *Hansard* PAC Parlimen berhubung prosiding ini adalah mengenai pengecualian AGC sebagai ex-officio di jawatankuasa ini.

Jadi, tanpa membuat masa saya menjemput Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat KSU untuk memberikan penjelasan dan keterangan dengan isu yang dibangkitkan. Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Menteri Wilayah Persekutuan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya ucapkan terima kasih atas panggilan oleh pihak PAC untuk kami menjelaskan apa yang telah berlaku di bawah kementerian kami berhubung dengan penjualan beberapa keping tanah yang telah dilakukan sebelum daripada pertukaran kerajaan. Untuk maklumat yang hadir seperti mana yang disebutkan oleh Pengerusi PAC tadi, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, bersama-sama ialah Datuk Seri Haji Saripuddin sebagai KSU. Dia pun sebenarnya *join* kita agak baharu sahaja selepas proses rundingan kembali itu telah pun dijalankan. Bersama saya juga, Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, di sebelah kanan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Sosio Ekonomi. Yang Berbahagia Dato' Siti Fatimah binti Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Pembangunan. Yang Berbahagia Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain, Setiausaha Bahagian Sosio Ekonomi, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Datuk Haji Mahadi bin Che Ngah, Pengarah Eksekutif DBKL. Ada yang lain itu ramailah. Sampai 21 orang saya pilih untuk memperkenalkan yang lima sahajalah— ya dahulu. Akan tetapi, senarai kehadiran semuanya ada.

Peristiwa yang kita sedang kaji sekarang ini ialah tentang apa yang telah berlaku berhubung dengan beberapa keping tanah sebanyak 97 transaksi. Untuk latar belakangnya, pada 7 Mac 2018, kerajaan menerima pertanyaan jawab lisan daripada Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai, Cheras iaitu berkenaan transaksi tanah milik DBKL bermula Mei 2013 sehingga Mac 2018. So, maknanya isu ini dibangkitkan sebelum pilihan raya PRU yang ke-14 lagi.

#### ■1440

Pada 15 Mei 2018, Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng, Yang Berhormat Kepong membuat laporan ke SPRM berkaitan dengan penjualan 64 lot tanah milik DBKL. Pada 27 Julai 2018, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan menubuhkan jawatankuasa tindakan, JTTMDBKL yang dianggotai oleh pegawai pejabat Menteri Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan wakil daripada pejabat Peguam Negara sebagai ahli jemputan. Ia merupakan satu jawatankuasa khas untuk hendak kaji balik kisah-kisah yang telah dibangkitkan.

Pada 7 Ogos 2018, SPRM mendapati kesemua penjualan 64 lot tanah telah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh DBKL dan pemberian kelulusan boleh diteruskan. *So, this was the report that we got from SPRM. Everything okay, everything followed procedure*, boleh teruskan. Akan tetapi jawatankuasa khas yang kita tubuhkan itu Jawatankuasa Transaksi Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, itu yang JTTMDBKL itu, mendapati DBKL telah melaksanakan sebanyak 97 transaksi sejak 2010. So, walaupun yang asalnya yang dibangkitkan adalah 64 transaksi tetapi *we thought since we want to review, might as well we review all, so we*



*started from 2010 and instead of 64 we look into all 97.* Jawatankuasa Transaksi Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih meneruskan siasatan dan hasil penemuan serta rundingan telah dimaklumkan kepada Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2018. So, bila kita laporkan kepada Jemaah Menteri dan bila saya buat kenyataan dalam Parlimen juga, dia punya perbincangan itu masih lagi diteruskan.

So, terma rujukan Jawatankuasa Transaksi Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dia punya rujukan iaitu *term of reference*-nya satu urusan jual beli hendak semak ke atas semua transaksi tanah berkenaan proses mendapatkan persetujuan dan kelulusan penetapan harga. Kedua, penelitian ke atas urusan nilai tanah dan dokumen perjanjian jual beli. Ketiga, kelulusan teknikal semakan kepada proses mendapatkan kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan dan kebenaran mendirikan bangunan. Keempat, penekanan diberi ke atas peningkatan densiti, nisbah plot, pertukaran syarat nyata tanah dan pengecualian caj pembangunan. *[Disampuk]* Ya?

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Saya lihat kalau kita boleh balik kepada muka surat tiga itu, pada 27 Julai pertubuhan jawatankuasa betul?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Pada masa itu SPRM ada atau tidak dalam jawatankuasa ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Tidak ada. Akan tetapi laporan kepada SPRM telah pun dibuat.

**Tuan Wong Chen:** Bila buat laporan dekat SPRM?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Laporan dibuat pada 15 Mei.

**Tuan Wong Chen:** Oh, daripada Tuan Lim Lip Eng.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Daripada Tuan Lim Lip Eng dan...

**Tuan Wong Chen:** Tuan Lim Lip Eng yang buat *but your* jawatankuasa *was not involve in that?*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *No.*

**Tuan Wong Chen:** *You formed the* jawatankuasa...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Ya, *separately.*

**Tuan Wong Chen:** ...*Then* lebih kurang 10 days later you got the information from SPRM kata semua okey?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Ya, *because we were waiting for the report from SPRM, tidak dapat-dapat. So* kita pun *push* SPRM. *So, in the end we called them over. I remember we talked to the Pengarah SPRM and asked what is the status. So, dia kata— verbally dia kata you know there was nothing wrong, technically everything is alright. So, I kata can I have it in writing.*



**Tuan Wong Chen:** *So, he gave you in writing?*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *He gave me in writing.*

**Tuan Wong Chen:** *That was on 7 August?*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *Yes. But we were not happy.*

**Tuan Wong Chen:** *Yalah.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *So, we just carry on.*

**Tuan Wong Chen:** *So, you carry on to investigate 97 transactions.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *97 transactions.*

**Tuan Wong Chen:** *Okey.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *So, these are the terms.* Pematuhan peraturan semasa penelitian ke atas pematuhan pada peraturan dasar garis panduan. Okey, punca kuasanya *I think* tuan-tuan semua boleh baca.

Okey, so bila kita ambil 97 ini— *this is the summary*, kategori transaksi tanah milik DBKL. Bilangan transaksi *that our* jawatankuasa *found* okey dari segi harganya, dari segi prosedurnya, dari segi segala-galanya. Daripada 97 kita dapati 43 adalah *alright and* kita berdasarkan kepada laporan SPRM itu pun surat SPRM itu pun, kita benarkan ia diteruskan.

*Total acreage is 185.87 acres.* Dia punya nilainya berdasarkan kepada Jabatan Penilaian *is RM1.43 billion but the transaction is RM1.64 billion.* So, *that was okay.* Manakala yang dibatalkan *there were* 14 penjualan, yang dibatalkan. Manakala yang 14 ini sebenarnya *the details* dekat belakang tetapi pokoknya ia mudah dibatalkan kerana mereka baru bayar deposit 10 percent. So, *we return the deposit.* Luas ekarnya ialah 53.98 ekar. Nilai tanah *is RM0.47 billion.* Nilai transaksi *is RM0.31 billion.* So, *the reason* kita batal *is because it is below the market value.* The market value *is RM0.47 billion* ataupun nilai yang diberikan oleh Jabatan Penilaian *is RM470 million but the transaction is RM310 million.* So, *we cancel it, return back the deposit and we took back the land.*

Dirunding semula ini ada 15 transaksi yang kita dapati kita masih boleh runding lagi kerana dia punya tanah belum lagi tukar nama walaupun dia punya *agreement* semua sudah buat tetapi *the actual process* tukar nama belum dilakukan. So, dirunding semula, *total* luas ekar 179.94 ekar. Nilainya adalah RM1.94 bilion tetapi nilai transaksi adalah RM1.81 bilion. Oleh sebab ianya di bawah harga penilaian yang dibuat, maka kita runding balik. So, *this is the beginning, this is not the ending.* So, *at the beginning value is RM1.94 billion but the valuation* ataupun *the income* sepatutnya dapat kepada DBKL hanya RM1.81 bilion.

Ada rundingan di luar mahkamah. Ini yang mana kita hendak panggil untuk hendak— ini di luar mahkamah kah? *[Disampuk]* Semua rundingan di luar mahkamah, kan? *[Bertanya kepada*

*pegawai kementerian]* Ini dalam mahkamah. So, ini *court case* tetapi bawa ke mahkamah, *they challenged us, they bring to the court* tetapi walaupun *they bring to the court* kita cuba ada rundingan. So, jangan *confuse*. Rundingan semula itu pun *out of the court*. Manakala rundingan di luar mahkamah ini ialah lima kes yang dia cabar kita di mahkamah tetapi kita *stand our ground and we try to negotiate*. So, dia punya total *acreage* 96.46 *acre*, nilainya ialah RM0.99 bilion tetapi nilai transaksi ialah RM1.01 bilion. Ia *slightly more than the valuation* tetapi kita masih merasakan kita boleh runding lagi.

Siasatan lanjut yang mana yang 20 ini kita tidak boleh buat apa-apa. So, siasatan lanjut itu maksudnya kita serah kepada SPRM. *We are completely cannot do anything because* sudah tukar— nama pun sudah tukar milik dan sebagainya. Ia sudah mula projeknya fasal ini kes-kes daripada tahun 2010. So, ada yang sudah mula pembangunan dan sebagainya. *Total acreage is 158.05 acre*. Nilai tanah adalah RM1.73 bilion. Nilai transaksi ialah RM1.23 bilion. So, *we make a loss of half a billion*. Akan tetapi 20 transaksi ini kita tidak boleh buat apa-apa kecuali lapor kepada SPRM untuk dia siasat lagi. So, *this is the initial summary*. So, tindakan jawatankuasa transaksi...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Soalan Yang Berhormat. Tadi ada sebut SPRM kata 64 tadi okey, saya hendak tengok *explanation* yang 64 lot tanah itu ada dekat sini atau tidak. Bila tolak 43 diteruskan macam apa yang dikata sudah lulus itu macam ada kurang 21 ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Maknanya kita *somewhat* kita *ignore* apa yang SPRM kata kita kaji balik walaupun dia kata 64 itu semua okey. Akan tetapi kita siasat juga dan kita kaji juga walaupun SPRM sudah kata okey termasuk dalam 64 itu adalah yang sebahagiannya adalah yang dalam 43 dan yang lain-lain. So, maknanya kita tambah lagi daripada 64 itu. Semua 64 itu termasuk dalam 97 itu. Kita kaji balik semua.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** So, maknanya maklumat SPRM itu tidak boleh dipakai semua maksudnya?

■1450

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Maksudnya kita terima, tetapi kita hendak *check* jugalah. Akan tetapi, kita tidak buat keputusan berhubung dengan kualiti siasatan SPRM lah. Itu bukan kerja kitalah. SPRM ada *kot*. Saya tak tahu. *[Ketawa]*

**Puan Fadzillah binti Shamsuddin [Timbalan Pengarah (Awam) (Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]:** Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada jawapan SPRM, kalau berdasarkan kepada keratan yang



dibekalkan ini, selalunya kita akan menjawab dia dalam siasatan. Akan tetapi, perkara yang hendak dilaksanakan itu tidak mengganggu siasatan SPRM. Itu sebenarnya.

Dari segi kebetulan— itu kertas siasatan yang mana yang akan diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Walau bagaimanapun, kami juga ambil 64 tanah tadi, yang penjualan secara *outright sale* itu, kita juga buat kertas pemeriksaan dan perundingan yang mana di bawah seksyen 7(c), (d) dan (e) yang mana SPRM boleh menasihati dari segi perkara berkenaan dan— sebenarnya kita tidak beri lagi. Kita sudah ada penemuan dia, garis cadangan penambahbaikan itu, kita tidak berjumpa lagi dengan DBKL sebenarnya. Okey, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Okey. *I stand corrected.* Nota ini tidak begitu tepat. Sebenarnya apa yang SPRM tulis adalah sepertimana yang disebutkan tadi bahawa transaksi itu boleh diteruskan dan ia tidak akan menjejaskan siasatan. So, bila kita dapat surat macam itu, staf saya terjemahkan begitulah. Akan tetapi, sebenarnya dia tidak kata *clear*, hanya dia kata *transaction* boleh jalan. Kita akan siasat dan ia tidak akan menjejaskan siasatan. Betul.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Tuan Pengerusi, boleh saya minta pengesahan? Memandangkan dalam pembentangan yang diberikan, kita dimaklumkan pada muka surat empat, pada 7 Ogos 2018, SPRM mendapati kesemua mengikut prosedur yang ditetapkan. Jadi daripada maklum balas tadi, *I think can we amend it now* supaya lebih mudah dan jelas kerana kami juga dimaklumkan hari ini Pejabat Peguam Negara tidak turut serta di atas hal-hal yang tidak dapat dijelaskan dengan terperinci. Jadi *maybe* kalau kita boleh dapatkan secara tuntas, *a bit clearer, then we can see the better picture* apakah projek yang berterusan dan statusnya yang sebenar. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Dia sebenarnya— *do you have the letter?* [Disampuk] Boleh baca surat itu. Senang.

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain [Setiausaha Bahagian (Sosio Ekonomi), Kementerian Wilayah Persekutuan]:** Dalam surat itu memang dinyatakan begitu. Akan tetapi gabung dua-dualah, yang Yang Berhormat Menteri cakap pun betul, wakil SPRM pun cakap betul.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Boleh baca surat itu tidak? Ada surat itu, baca terus. Baca surat itu. Dia didapati bahawa mengikuti prosedur, boleh diteruskan dan tidak akan mengganggu siasatan. Surat asal.

**Tuan Wong Chen:** *Chairman, observation.* Kalau SPRM belum lagi memberi *green light, full green light on the 7<sup>th</sup> August 2018 for the 64 cases, on what basis did you* teruskan 43 by your ministry? *Can you just explain that?*



**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *It is because the letter says the transaction can go ahead. And that transaction, even it goes ahead, it will not jeopardize the investigation. So, there was a green light given for all 64. Okay? It is says that...*

**Tuan Wong Chen:** *But, there is no clearance from SPRM about any of the 64 cases. They just say it would not jeopardize the investigation.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *No. It says can proceed. It says can proceed.*

**Tuan Wong Chen:** *Okay. Maybe we should ask the SPRM woman, what is it that your definition is? Is it you allow them to continue but you are still investigating?*

**Puan Fadzillah binti Shamsuddin:** *Yes. Dia macam ini. Kalau ikut yang siasatan punya finding, dia mengatakan mereka siasat dari segi tempoh kejadian sebelum. Jadi, bagi 64 transaksi itu, untuk urusan-urusan seterusnya, kalau mengikut prosedur yang sepatutnya, tidak ada isulah. Sebab, yang kita siasat sekarang ini yang daripada tarikh yang disebutkan ada isu itu ke bawah. Jadi, kita akan semak dokumen-dokumen berkenaan. Sekiranya transaksi berkenaan mengikut prosedur yang ditetapkan, boleh.*

Akan tetapi, sebab— saya tidak pasti sebab kalau kami membuat pemeriksaan dan perundingan, kami belum lagi bagi khidmat nasihat itu. Itu yang dari segi— sebenarnya ada cadangan penambahbaikan yang kami akan berikan, cuma belum lagi bagi. Sebab selepas siasatan— *on going*— tetapi dia bagi kepada kami Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan untuk semak balik sistem dan prosedur. Jadi kami baru dapat dalam hujung tahun dan sudah siap, cuma tidak jumpa lagi dengan DBKL berkaitan cadangan penambahbaikan berkenaanlah. Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *We have the WhatsApp version. Ini surat yang ditulis kepada Datuk Bandar... [Membaca petikan]*

*"Tan Sri Datuk Bandar Kuala Lumpur,*

*Permohonan mendapatkan pandangan dan ulasan berhubung urusan pembangunan bagi 64 lot tanah dalam siasatan SPRM."*

*So, I read the bahagian yang itu... [Membaca petikan]*

*"Berdasarkan isu tersebut, siasatan telah dibuat oleh pihak SPRM dan mendapati kesemua penjualan 64 lot tanah berkenaan adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh DBKL."*

*The second page ada? [Disampuk] Oh, two phones. Sorry. Everybody's got phone... [Membaca petikan]*

“4. Sehubungan itu, merujuk para 6.1 hingga 6.4 dalam surat Yang Berbahagia Tan Sri ini, pihak SPRM berpandangan bahawa pihak DBKL boleh meneruskan kebenaran dalam mengeluarkan kelulusan dan tidak perlu ditangguhkan lagi kerana ia tidak mengganggu siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak SPRM.”

So, that was actually— itulah.

**Tuan Wong Chen:** *The key point is ‘sedang disiasat’. That is mean they continue the investigation.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *But, they will continue. Akan tetapi you can carry on.*

**Tuan Wong Chen:** *I know. I know. Because, if you do, if you cancel, I takut dia saman you balik when they find out you are not responsible.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *There was another which I tak habis baca ini... [Membaca petikan]*

*“Sebarang penangguhan tindakan oleh pihak DBKL ini boleh mengakibatkan impak yang besar terhadap syarikat yang telah membeli tanah dan juga pihak pembeli unit-unit kediaman komersial yang telah menerima tawaran tetapi mengalami kesukaran untuk mendapatkan pinjaman kewangan daripada institusi perbankan. Ia juga boleh menimbulkan masalah dalam urusan tukar milik di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.”*

So, you cannot tangguh, dia kata.

**Tuan Wong Kah Woh:** *Whose letter is that? Still SPRM?*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *SPRM letter, yes. I believe...*

**Tuan Wong Kah Woh:** *SPRM should not be talking about this.*

**Tuan Pengerusi:** *Wakil SPRM, are you aware of the letter?*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *We will get the copy of the letter. If it is not with us now, we have to pass it to you later.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri dan wakil SPRM, sekiranya apa yang saya boleh faham dari apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan surat daripada SPRM adalah SPRM masih sedang menjalankan siasatan terhadap kes-kes ini, namun SPRM memberikan nasihat please go ahead with the transaction...*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *Everything was according to procedure.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *And everything according to procedure and your transaction would not jeopardize the SPRM investigation.*



Akan tetapi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada DBKL ada mengkaji secara lanjut? *Because, there is SPRM case pending and, of course, there are some basis as to that. Is DBKL taking any effort to actually restudy the whole thing as to whether the transaction will actually benefit DBKL eventually? Of course, some other consideration like the pembeli all these units will take into consideration, yes, but I think PAC need to know whether you have relook into the whole transaction before making the decision to proceed.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** *Yeah. That is why we form the jawatankuasa khas to study. Even though we got the letter from SPRM, we nonetheless, we form our own jawatankuasa to study it and that is why the situation was as what we reported. Out of 97— not 64. The one that was reported to SPRM was 64. But for us, since kita sudah tubuhkan jawatankuasa khas itu, kita masukkan semua yang kita rasa need to be restudy. So, we studied 97. Kita tengok dari sudut prosedur dan yang paling penting actually is the value.*

So daripada apa yang kita dapati ialah 43 ini *from the 97*, harga dia okey. *As you can see, the nilaian tanah is RM1.4 billion, transaction sale is RM1.6 billion. So, actually ada lah it was sold above market ataupun atas value evaluation that was given. Mana yang ada 14 itu kita batalkan. Kita not happy with the yang 15 itu, so kita runding semula. We call them. Walaupun sudah ada agreement, sudah ada kontrak and all that, tetapi belum lagi tukar nama. So, we still ada some leverage. So, yang 15 ini yang kita tahan dan kita runding balik kerana the valuation was RM1.94 billion but the sales in purchase agreement itu is only RM1.81 billion, when we total up.*

#### ■1500

*So, when we total up kan, so kita dapati bahawa this one a bit fishy so kita kaji balik dan kita runding balik. Rundingan di luar mahkamah ini, are the one yang mana yang kita— oleh sebab kita tidak allow for the sale to go through, they brought us to court tetapi in the process kita runding juga luar mahkamah. Daripada lima ini, I think sekarang ini hanya tinggal satu sahaja yang still tidak selesai. So, the rest we manage to renegotiate, walaupun ada court case to get better terms lah which the details will be at the back lah. Akan tetapi yang ada 20 ini, this is the one yang kita cukup kesallah fasal we lost half a billion, the 20 transactions, dia punya acreage is 158 acres, valuation is RM1.73 but the sale was RM1.23.*

*This one kita tidak boleh buat apa-apa kerana sudah tukar nama, sudah tukar pemilik dan sebagainya, sudah tukar milik dan projek sudah berjalan. So, this one we reported it again, if I'm not mistaken, we reported it again to SPRM to further check on this 20 specifically, okay. So, this jawatankuasa was form even though we got the letter from SPRM. Okey, can I just...*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Sorry...*



**Tuan Wong Chen:** Yang Berhormat Menteri, a couple of questions. Okay, first thing, nilai tanah ini, nilaiannya is who did the valuation. Is it the DBKL, is it the Minister of Finance, valuation department? Who did? That's the first question ya?

Second question is the jawatankuasa still functioning or is it habis sudah kerja dia. Is it still functioning? If it's still functioning would it be better you invite SPRM to sit in there. Second thing is when you learn all this decision, diteruskan, dibatalkan, dirunding semua-semua ini, the Attorney General Office was in you jawatankuasa and they approve all this? Did you seek their approval to negotiate on their—I know is your ministry jurisdiction. But do you have their approval and consent to pursue this cause of action. Terus batal, runding semula all this.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** The valuation was done by the...

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** 85 peratus done MOF.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** MOF itself ya? Jabatan...

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** 85 percent of the transaksi done by MOF valuation.

**Tuan Wong Chen:** The 15 percent?

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** Done by DBKL.

**Tuan Wong Chen:** 15 percent done by DBKL.

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** Roughly.

**Tuan Wong Chen:** How do you choose which one to do by DBKL, which one do by the MOF? Is it by the size or volume or what?

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** Itu berdasarkan kepada arahan peraturan semasa sepatutnya kesemua perlu dilaksanakan oleh MOF. Akan tetapi kita dapati ada kes-kes yang dinilai oleh DBKL, itu yang setengah-setengah itu kita cadang supaya disiasat lanjutlah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Dia ini yang bila kita kaji balik, yang penting itu bila kita kaji balik kita dipandu oleh penilaian yang dibuat oleh...

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** MOF.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** ...MOF, kesemuanya. What he was saying is that the sales, what he's talking about is the sale, when the previous transaction, when the sale was done, some of the sales which were done by DBKL, the valuation was done by DBKL itself.

**Tuan Wong Chen:** No, no, no.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** But when we did the re-study it was all based on evaluation by JPPH, the Jabatan Penilaian.

**Tuan Wong Chen:** *I mean bila kita tengok carta ini, you are showing the real value lah, nilaian tanah dan nilai transaksi. Transaksi itu agreement lah senang. So, nilaian tanah ini, RM1.43 bilion ini dibuat oleh MOF kah DBKL?*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** JPPH, Jabatan Penilaian lah, MOF.

**Tuan Wong Chen:** Ya lah, *under* MOF lah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** MOF lah.

**Tuan Wong Hon Wai:** JPPH di bawah MOF lah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** MOF, ya.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, ya. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya, sepatutnya kita *call* bekas Menteri *but, I mean since* Menteri sekarang sudah ada sini kerana kita tidak ada *overview picture of what happen during the transactions. Is it done through direct nego based on JPPH valuation or is it through open tender advertised in newspaper? I mean I don't see any report here so I am asking you the question.*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** *Most of the transaction— because it was done since 2010 okay, the valuation that we are doing so saya ingat kebanyakannya...*

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** Sebanyak 90 transaksi *direct nego*, tujuh melalui tender terhad. Sebanyak 90 *direct nego*, tujuh tender terhad.

**Tuan Wong Chen:** *So, I just very absolutely clear okay. Your number of nilaian tanah RM1.43, di bawah diteruskan. That valuation was done recently or are you relying on the valuation back at the transaction time.*

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** *At the transaction time.*

**Tuan Wong Chen:** *You cannot do that. You have to value today. I am sorry. Why, I mean if kalau dulu, Menteri dulu tipu dia bubuh transaction lower then you accept it that's no point.*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** *The transaction at the agreement was made at that time. So, obviously you cannot— let me finish.*

**Tuan Wong Chen:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** *You sell the land in 2010, you cannot use a valuation in 2018 because the agreement was sign in 2010.*

**Tuan Wong Chen:** *No, I agree, I agree. What I am saying is you can still...*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** *But, let me finish. But, at the same time the valuation at 2010 itu it must be based on JPPH punya valuation, okay.*

**Tuan Wong Chen:** *Now, if JPPH in 2010 was cheating together with the former Minister— if lah assume lah okey, ya. This kind I thing happens a lot. I mean let's not beat around the bush. When you are doing an investigation today, you should take the— you should restart the*



valuation and see where is the valuation proper in 2010. I am not asking to use 2018 valuation. I am saying you go back and see the land transaction in that locality in the year 2010 did it match the valuation department. Because we are here to investigate whether this thing was inflated in prices. This is not done by Pakatan, right.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Deflated, deflated.

**Tuan Wong Chen:** All deflated, deflated in prices. So, I would think that is simple valuation methodology to assess what was transacted in 2010 in the locality of that area you can know how much per square feet. You obviously took the numbers that the you know valuation department did in 2010, right? That is— I am just trying to understand the methodology, ya. So, on record you just took the numbers of 2010 for the particular line.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** We studied the transaction, transaction was done in 2010. It was sold for RM5 million for example but the valuation by JPPH at that point in time was RM6 million. So, this raise the flags. So, that's the one's that we investigated. Ya, for us to kalau hendak study balik all the JPPH punya valuation, then I would not end up doing 97, I would probably end up doing a few thousand since 2010. So, if I was to use that procedure then to be fair, I must use it for all DBKL transaction.

**Tuan Wong Chen:** No, no you investigate...

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Not just 97.

**Tuan Wong Chen:** No, you investigate 97 that you highlighted. It doesn't mean that you have to investigate thousand.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** The reason why we investigated the 97 is because they raise questions lah.

**Tuan Wong Chen:** Ha, betullah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Because it contradicted the valuation done by JPPH, okey. So, I have to use that as the basis.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** If I want to do the valuation on my own, then I have to do the valuation on my own for all transaction, not just the 97.

**Tuan Wong Chen:** Not, I think Minister...

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** But anyway, never mind. I think my point is that lah. The...

**Tuan Wong Chen:** Ya, ya.

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** ...Mechanism was to use the JPPH punya valuation and we compare that against the— That's the methodology.



**Tuan Pengerusi:** Okey, Encik Muhammad *you are saying that it was done through direct negotiation and the direct award is it. Okay, in your record who authorized that? Who authorized that?*

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri. *Okay, in your peraturan kah, undang-undang does the Menteri has the power to do that?*

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *Can you elaborate on that power please.*

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]:

Kuasa Tambahan Pihak Berkuasa Tempatan – seksyen 101(1)

*“(r) menjual, memajakkan ataupun melupuskan mana-mana harta alih atau harta tidak alih pihak berkuasa tempatan:*

*Dengan syarat bahawa –*

*(i) tiada apa-apa penjualan atau pemberimilikan lain harta tidak alih boleh berlaku tanpa persetujuan pihak berkuasa negeri;”*

Dalam konteks ini pihak berkuasa negeri adalah Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

**Tuan Pengerusi:** *Does it state that we must base on the evaluation from the relevant authority? Was that consider at that time?*

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain:** *Yes, considered.*

**Tuan Wong Hon Wai:** *I mean, I need some clarification.* Kalau di pihak berkuasa negeri ya, kalau contoh negeri-negeri Pulau Pinang, Johor semua maksud dia ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan.

■1510

*Not even Chief of Minister, Chief of Minister tidak boleh— bukan tidak ada kuasa di bawah ini, is a Majlis Mesyuarat Kerajaan. I need some clarification from Wilayah Persekutuan, what is the position for pihak berkuasa negeri?*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Wilayah...

**Tuan Wong Hon Wai:** Minta PUU.

**Puan Zawiyah binti Saad [Penasihat Undang-undang, Kementerian Wilayah Persekutuan]:** Kita— pihak berkuasa negeri yang kita pegang di sini adalah di bawah Akta 171 sendiri. Di Akta 171 mentakrifkan bahawa pihak berkuasa negeri adalah Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kita berpegang di bawah perintah fungsi-fungsi Menteri, yang mana Menteri Wilayah Persekutuan mempunyai kuasa untuk kerajaan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jadi memang untuk ini kita berpegang di bawah Akta 171.

**Tuan Wong Hon Wai:** Akta Wilayah Persekutuan?

**Tuan Wong Kah Woh:** Kerajaan tempatan.

**Tuan Wong Hon Wai:** Oh, okey.

**Puan Zawiyah binti Saad:** Seksyen 101(1)(r).

**Tuan Wong Hon Wai:** Boleh ulang, tidak dengar.

**Puan Zawiyah binti Saad:** Subseksyen 101(1)(r).

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Wong Hon Wai:** Mana ada tulis Menteri?

**Datuk Hajah Rosida binti Jaafar [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio Ekonomi) Kementerian Wilayah Persekutuan]:** Pihak berkuasa negeri.

**Tuan Wong Hon Wai:** *So, apa itu pihak berkuasa negeri?*

**Puan Zawiyah binti Saad:** Pihak berkuasa negeri di bawah tafsiran seksyen 2 Akta 171.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ada tafsiran tidak? Boleh *show* tafsiran.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Exco...

**Tuan Wong Hon Wai:** *Exco 10 persons now— collectively 10 orang.*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Tidak ada exco. *In Wilayah there is no exco. [Ketawa]*

**Tuan Wong Hon Wai:** *Because pihak berkuasa negeri collectively 10 orang punya kuasa.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** *So, basically you are more powerful.*

**Datuk Hajah Rosida binti Jaafar:** Ada jawatankuasa yang terlibat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Boleh saya tanya soalan lanjutan Tuan Pengerusi.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya, sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Maksudnya bahawa akta ini, saya baru sahaja bercakap dan berbincang dengan pihak SPRM. Kalau pun pihak SPRM mempunyai isu ataupun syor yang berlainan tidak boleh melangkaui kuasa mutlak Menteri?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ini lebih akademiklah. *In an academic discussion, lebih kepada... [Ketawa] Okey.*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Akan tetapi ada dia punya *guideline*. *So, the guideline itu— maknanya Menteri tidak ikut guideline. Walaupun Menteri has the power but the guidelines are there. So, you should not sell below valuation dan sebagainya. So, guideline itu ada.*



**Puan Zawiyah binti Saad:** Saya bacakan di sini, "*Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan Wilayah Persekutuan, ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan.*"

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya.

**Puan Zawiyah binti Saad:** Akan tetapi kita telah dapatkan pandangan Jabatan Peguam Negara sebab kita mengguna pakai juga perintah fungsi-fungsi Menteri di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969, iaitu berkenaan dengan Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Kita berpegang kepada di bawah perintah fungsi Menteri tersebut. Menteri Wilayah Persekutuan mempunyai kuasa terhadap bagi perkara-perkara kerajaan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Jadi kita berpegang kepada dua undang-undang. Maksudnya di bawah Akta 171 sendiri dan perintah fungsi-fungsi Menteri iaitu memang *clear* daripada pandangan Jabatan Peguam Negara. Itu ada bertulis.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, maksudnya...

**Tuan Wong Chen:** Menteri...

**Tuan Wong Kah Woh:** *Sorry* ya, Yang Berhormat Subang.

**Tuan Wong Chen:** *Go ahead.*

**Tuan Wong Kah Woh:** Maksudnya Menteri yang dimaksudkan di sini adalah Menteri Wilayah Persekutuan *instead of* Menteri KPKT?

**Seorang Ahli:** *Yes.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Because, the wording here is actually very weak.*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Wong Kah Woh:** *Okay.*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** *Also reports to* Menteri Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan *also reports to* Menteri Wilayah Persekutuan. So, Menteri Wilayah Persekutuan *is in charge of* DBKL, Putrajaya and Labuan PBTs.

**Tuan Wong Hon Wai:** Apakah dalam— sini ada pihak berkuasa tempatan? Untuk Wilayah maksud dia apa?

**Seorang Ahli:** DBKL.

